



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

PERKARA	MUKA SURAT
1. PENGENALAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU	1-2
2. PENCAPAIAN HOSPITAL	3
3. SEKALUNG BUDI SEINDAH KENANGAN	4
4. PERUTUSAN PENGARAH	5
5. SIDANG PENGARANG	6
6. UNIT PENTADBIRAN	7-10
7. UNIT HASIL	11-13
8. UNIT KUALITI	14-21
9. UNIT KEJURURAWATAN	22-25
10. UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA	26-31
11. UNIT PESAKIT LUAR - KLINIK DIABETIC - KLINIK DADA	32-37
12. UNIT FARMASI	38-41
13. UNIT FORENSIK	42-44
14. UNIT HEMODIALISIS	45-46
15. UNIT BEKALAN BAHAN STERIL	47-48

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

PERKARA	MUK SURA
16. UNIT KAWALAN INFEKSI	49-51
17. UNIT OPTOMETRI	52-54
18. UNIT PEMULIHAN CARA KERJA	55-59
19. UNIT FISIOTERAPI	60-63
20. UNIT DIETETIK DAN SAJIAN	64-66
21. UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN	67-70
22. UNIT RADIOLOGI	71-78
23. UNIT ANGKUT	79-81
24. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	82-84
25. UNIT REKOD	85-86
26. UNIT PENYELIAAN	87-88
27. UNIT KEJURUTERAAN	89-94
27. UNIT PATOLOGI	95-97
28. GALERI 2020	98-107
28. SEKALUNG PENGHARGAAN	108-109

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

UNIT FARMASI HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

A. PENGENALAN

Unit Farmasi adalah salah satu perkhidmatan sokongan klinikal di Hospital Kuala Kubu Bharu. Perkhidmatan yang diberikan adalah meliputi lima (5) perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar, Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam (Bekalan Wad dan Pengeluaran), Perolehan dan Bekalan, Perkhidmatan Farmasi Wad dan Perkhidmatan Maklumat Ubat dan Racun.

Bagi memenuhi keperluan pesakit dan menambahbaik perkhidmatan, Unit Farmasi telah memulakan perkhidmatan *extended hours* (waktu operasi selepas waktu pejabat sehingga pukul 10.00 malam) mulai bulan Oktober 2011 dan seterusnya Perkhidmatan Farmasi 24 jam bermula pada tahun 1 Januari 2012 hingga kini.

Selain itu, program Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) bagi pesakit Diabetes juga dilaksana pada awal tahun 2013 dan juga MTAC Warfarin bagi memantapkan dan meningkatkan tahap pematuhan serta kefahaman pesakit terhadap ubat-ubatan diabetes dan ubatan lain yang berkaitan.

Misi

Memberi perkhidmatan farmasi bersepadu yang profesional secara berterusan dari segi pembekalan ubat secara efisien dan selamat dan berkonsepkan penjagaan farmaseutikal.

Uisi

Ke arah perkhidmatan farmasi yang berkualiti untuk kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

PIAGAM PELANGGAN

FARMASI PESAKIT LUAR

Kami berjanji dan komited untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan:

1. Memastikan ubat-ubatan yang betul dibekalkan tidak melebihi 30 minit bagi preskripsi yang lengkap diterima.
2. Memastikan pelanggan yang berdaftar dengan Sistem Temujanji Farmasi mendapat bekalan ubat susulan pada tarikh yang dijanjikan.

FARMASI PESAKIT DALAM

Kami berjanji dan komited untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan:

Memastikan pembekalan ubat ke wad /unit bagi preskripsi /pesanan yang lengkap diterima dalam tempoh masa empat (4) jam dalam waktu pejabat

FARMASI LOGISTIK

Kami berjanji dan komited untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan:

1. Membekalkan item standard kepada pemesan tidak melebihi empat belas (14) hari bekerja selepas pesanan lengkap diterima.
2. Membekalkan item bukan standard kepada pemesan selepas pesanan yang lengkap diterima, tidak melebihi tujuh

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

(7) hari bekerja selepas bekalan diterima di Unit Farmasi Logistik.

B. PERJAWATAN

Jawatan & Gred	Bilangan Jawatan	Bilangan Diisi	Bilangan Kosong	Catatan
Pegawai Farmasi U41/U44/U48/U52/U54	23	23	-	
Pen. Peg. Farmasi U32	2	2	-	
Pen. Peg. Farmasi U29/U32(KUP)	6	5	1	
Pemb. Tadbir N17	2	2	-	
Pekerja Awam R4	1	1	-	
Pekerja Awam R1	2	2	-	
Jumlah anggota	36	35	1	

C. PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT LUAR

Pendispensan ubat untuk pesakit luar adalah aktiviti utama yang dijalankan di Farmasi Pesakit Luar. Sistem 'island dispensing' telah dipraktikkan di mana melalui sistem ini, preskripsi disaring untuk mengesan sebarang kesilapan. Pengisian bekalan ubat disemak silang oleh kakitangan yang mendispens bagi memastikan pemberian ubat yang betul kepada pesakit.

Selain aktiviti pendispensan, aktiviti lain adalah perkhidmatan kaunseling bagi pesakit luar. Pesakit yang dipilih adalah pesakit yang baru memulakan ubat penyakit kronik, bilangan ubat yang banyak, perlu menggunakan ubat dengan teknik-teknik tertentu seperti penggunaan pen insulin, inhaler dan sebagainya.

Bagi memantapkan perkhidmatan kepada pesakit farmaseutikal pesakit, program Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) Di mana mula diperkenalkan pada awal tahun 2022. Melalui program ini, pemantauan kepada pesakit dan kaunseling secara sistematik akan diberikan kepada pesakit, di mana program ini bertujuan untuk memastikan pesakit diabetes patuh terhadap pengambilan ubat-ubatan dan diet.

Perkhidmatan Tambah Nilai (Value Added Service-VAS) yang ditawarkan oleh unit ini adalah melalui Sistem Temujanji Ubat iaitu menggunakan Kad Temujanji. Sistem ini menawarkan pesakit terutamanya pesakit rawatan jangka panjang untuk mengambil bekalan ubat pada tarikh yang telah ditetapkan dan bekalan ubat telah disediakan lebih awal. Oleh itu, sistem ini dapat mengurangkan masa menunggu pesakit di kaunter farmasi.

Selain itu, Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) ditawarkan kepada pesakit yang ingin mendapatkan pembekalan ubat di luar daerah Kuala Kubu Bharu, bagi memastikan kesinambungan bekalan ubat di mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan.

D. PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT DALAM (BEKALAN WAD)

Pembekalan ubat kepada pesakit dalam dilakukan menggunakan Sistem Unit Dos (Unit Dose System, UDS), Sistem *Unit of Use* (UoU) dan juga secara Sistem Tradisional. Tiga (3) wad telah dibekalkan melalui UDS dan tiga (3) wad lagi masih menggunakan system UoU. Pembekalan secara Sistem Tradisional adalah untuk item *floor stock* dan *imprest stock* kepada semua wad dan unit pembekal lain seperti Unit Kecemasan & Trauma dan Unit Hemodialisis.

Selain aktiviti pembekalan, aktiviti lain adalah perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

(termasuk penggunaan peralatan perubatan seperti inhaler atau pen insulin) dan *bedside dispensing* bagi tujuan meningkatkan kefahaman dan komplian pesakit. Perkhidmatan ini dijalankan setiap hari bekerja bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

Bagi memastikan pihak wad/unit mematuhi prosedur penyimpanan ubatan yang ditetapkan, pemeriksaan wad dilakukan sebanyak empat (4) kali setahun yang menfokuskan kepada cara penyimpanan ubat, kuantiti stok, tarikh luput serta cara dokumentasi.

E. PERKHIDMATAN FARMASI PESAKIT DALAM (PENGELUARAN FARMASEUTIKAL & PRA-BUNGKUS)

Aktiviti pengeluaran farmaseutikal dilakukan dalam jumlah yang minimum dan terhad kepada sediaan-sediaan tertentu yang tidak diperolehi daripada pasaran. Pembelian sediaan-sediaan yang telah siap diproses menjadi keutamaan bagi mengelakkan masalah kontaminasi atau ketidakpatuhan terhadap Amalan Pengilangan Baik (GMP). Aktiviti pra-pembungkusan ubat-ubatan dijalankan bagi memudahkan proses pendispensan dan memendekkan masa menunggu di kaunter farmasi.

F. PERKHIDMATAN FARMASI WAD

Perkhidmatan ini dimulakan pada penghujung tahun 2008. Pegawai Farmasi Wad yang bekerja secara separuh masa telah memberi perkhidmatan dalam rondaan wad bersama dengan Pegawai Perubatan di Wad Perubatan Lelaki dan Wad Perubatan Perempuan. Selain

itu, Pegawai Farmasi Wad telah menjalankan perkhidmatan rondaan wad bersama Wad Kanak-kanak pada tahun 2013.

Semua sejarah perubatan (*Medication History*) pesakit akan direkod dalam tempoh 24 jam selepas memasukkan pesakit ke dalam wad. Selain itu, ubat-ubatan pesakit dalam wad akan disemak oleh Pegawai Farmasi untuk mengelakkan berlakunya masalah pertindihan ubat atau sebarang perubahan dos yang adakalanya mengelirukan pesakit. Pesakit juga akan dipantau dari segi efikasi dan tindakbalas pada ubat yang diberi semasa di dalam wad.

G. PEROLEHAN DAN BEKALAN

Aktiviti ini melibatkan urusan pembelian ubat-ubatan dan item bukan ubat seperti alat pakai buang, surgikal dan keperluan asas rawatan. Perolehan melibatkan pembelian terus, pembelian menerusi sebutharga dan kontrak KKM daripada pembekal-pembekal tertentu. Kebanyakan item dibekalkan oleh syarikat konsesi, Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. di mana pesanan dibuat melalui jaringan komputer yang dilengkapi dengan 'Hospital Inventory System' (HIS). Unit Farmasi seterusnya akan melakukan proses pembekalan ubat-ubatan dan item bukan ubat kepada unit pengguna di HKKB.

Objektif Kualiti bagi Stor Integrasi adalah Kadar Pusingan Stok Tahunan Integrasi HKKB ialah sentiasa dalam julat 3-6. Pada tahun 2013, kadar pusingan stok tahunan ialah 6.37, iaitu berada di dalam julat 3-6. Ini menunjukkan pegangan stok bagi tahun 2013 berada dalam keadaan yang baik.

H. PERKHIDMATAN MAKLUMAT UBAT DAN RACUN

Pegawai Farmasi akan menerima dan menjawab pertanyaan berkenaan ubat-ubatan dan racun yang dikemukakan oleh pihak dari dalam dan luar organisasi hospital. Pertanyaan yang

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

diterima akan direkodkan di dalam borang dan disimpan di dalam fail untuk rujukan pada masa akan datang. Sumber rujukan diperolehi daripada perisian *Micromedex*, *MIMS Gateway*, jurnal perubatan di internet dan buku-buku rujukan yang berkaitan.

Aktiviti lain yang dijalankan adalah aktiviti pengeluaran kad alergi kepada pesakit yang dapat dikenalpasti samada di wad, farmasi atau jabatan pesakit luar. Maklumat pesakit akan direkodkan dalam borang permohonan kad alergi dan disimpan dalam fail sebelum kad alergi dikeluarkan kepada pesakit.

Selain kad alergi, laporan kesan *adverse* (Adverse Drug Reactions, ADR) juga akan direkodkan oleh pegawai farmasi yang berkenaan dan akan dihantar kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan untuk tindakan lanjut .

Farmasi maklumat ubat juga akan menyusun jadual untuk sesi *Continuous Pharmacy Education* (CPE) yang akan melibatkan seluruh ahli unit farmasi untuk peringkat dalaman dan juga peringkat luaran yang melibatkan seluruh kakitangan hospital. Sebagai sumber informasi dan unit penyebaran maklumat, Farmasi maklumat ubat akan menerbitkan buletin untuk bacaan seisi hospital setiap dua kali setahun dan juga mengemaskini risalah-risalah berkaitan ubat-ubatan untuk bacaan pesakit dan staf hospital. Protokol dan *Guideline* juga dikemaskini untuk kegunaan unit farmasi atau unit-unit lain yang memerlukan.

Aktiviti luar hospital seperti kempen 'Kenali Ubat Anda' yang terdiri daripada sesi ceramah dan pameran akan diadakan tiga kali setahun di tempat-tempat awam sebagai salah satu langkah meningkatkan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan pengambilan ubat yang betul.

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

KLINIK DADA


PENGENALAN

Malaysia dikategorikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai negara dengan beban penyakit Tuberkulosis (TB) sederhana. Rawatan tibi mengambil tempoh masa yang panjang, sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan pematuhan terhadap rawatan sangat diperlukan bagi pesakit mendapat memastikan pesakit sukses rawatan (sembuh sepenuhnya dan sempurna rawatan). Seterusnya menyekat penularan penyakit tibi dalam masyarakat.

Klinik dada Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan unit perkhidmatan yang penting dalam perawatan pesakit tibi di bahagian kesihatan primer. Unit ini member perkhidmatan untuk mengesan pesakit tibi, berperanan dalam memastikan pesakit mendapat rawatan tibi yang betul, mengesan dan merawat kontak kepada pesakit tibi dan mengurangkan penularan penyakit tibi dalam kalangan masyarakat di sekitar daerah Hulu Selangor.

OBJEKTIF

1. Mengenal pasti jumlah pesakit yang Berjaya tamat rawatan tibi mengikut bulan.
2. Mengenal pasti jumlah pesakit tibi yang mendapat rawatan di Klinik Dada HKKB mengikut bulan.
3. Menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh Klinik Dada HKKB sepanjang tahun




LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU


2020

JUMLAH PESAKIT TIBI DI KLINIK DADA

HOSPITAL KUALA KUBU BARU



JUMLAH KEDATANGAN KONTAK PESAKIT TIBI MENGIKUT TEMUJANJI



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
7
0
7

UNIT PESAKIT LUAR

1. PENGENALAN

Unit Pesakit Luar merupakan salah satu dari barisan hadapan perkhidmatan yang diberikan oleh Hospital Kuala Kubu Bharu . Ianya terletak di bangunan utama bersebelahan Unit Kecemasan. Kedudukannya yang berhadapan dengan jalan utama iaitu memudahkan kunjungan pesakit. Unit ini beroperasi setiap hari bekerja (lima hari seminggu), mengikut waktu pejabat dengan memberi perkhidmatan perawatan pesakit luar am.

2. UISI

Membentuk budaya sihat di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum,usia dan diagnosis melalui perkhidmatan kesihatan yang optimum , cekap dan berkesan.

3. MISI

Unit Pesakit Luar akan menyediakan perkhidmatan yang terbaik dengan mengamalkan Budaya Korporat serta nilai-nilai murni untuk memenuhi kehendak pelanggan .

4. OBJEKTIF

- Memberi rawatan yang tepat, berkesan dan selamat.
- Memberi perkhidmatan professional, mesra dan penyayang.
- Memenuhi kepuasan pelanggan berdasarkan piagam pelanggan.

5. PIAGAM PELANGGAN

Memastikan masa menunggu pelanggan untuk bertemu Pegawai Perubatan kurang daripada 90 minit selepas pendaftaran .

6. PERKHIDMATAN UTAMA YANG DISEDIAKAN

6.1 Klinik Pesakit Luar Am:

Klinik ini melaksanakan program perkhidmatan seperti berikut.

- Merawat semua kes pesakit luar termasuk kes rujukan dari fasiliti lain, meliputi rawatan, siasatan makmal, farmasi dan sebagainya.
- Membuat saringan pelbagai penyakit meliputi penyakit berjangkit dan tidak berjangkit.
- Merujuk kes ke disiplin kepakaran tertentu mengikut keutamaan dan keperluan.
- Merawat kes-kes ulangan (penyakit kronik) mengikut tarikh temujanji yang diberikan.
- Menjalankan pemeriksaan kesihatan seperti permohonan kemasukan ke pelbagai intitusi pendidikan, pengesahan jawatan, tawaran perjawatan, permohonan menunaikan haji dan sebagainya.
- Melakukan prosedur kecil seperti suntikan, pengambilan sampel, dektrostik dan rawatan luka.

6.2 Klinik Cucian Luka Serta Penjaga Luka

- Klinik ini memberi perawatan kepada pelanggan/pesakit yang dirujuk.

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2


- Objektif utama ialah bertujuan meningkatkan kesedaran pesakit dan penjagaan luka dengan pencapaian keberhasilan rawatan yang lebih berkesan serta dapat memberi pendedahan, latihan dan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek asas pemulihan luka kepada pesakit/keluarga pesakit yang terlibat didalam pengurusan dan perawatan penjagaan luka.

7. POLISI OPERASI

- Semua pesakit yang datang akan didaftarkan di kaunter pendaftaran. Bagi kes-kes baru, kad baru akan dikeluarkan dan kes-kes ulangan kad sebelumnya akan digunakan.
- Pelanggan diberikan penerangan yang jelas mengenai prosedur dan perkhidmatan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.
- Perlaksanaan R- Lane iaitu keutamaan akan diberikan kepada:
 - a)Warga emas berumur 65 tahun ke atas.
 - b) OKU (Orang Kurang Upaya).
 - c)Ibu Mengandung
 - d)Kanak-kanak berumur 1 tahun ke bawah.
 - e)Kakitangan Hospital Kuala Kubu Bharu
- Pemeriksaan akan dibuat oleh Pegawai Perubatan dan rawatan akan diberikan.
- Jika perlu , ujikaji makmal, x-ray dan lain-lain siasatan akan dibuat untuk pesakit.
- Jika perlu ,pesakit akan dirujuk ke Jabatan Kecemasan, Klinik Pakar atau

masuk ke wad ur rawatan selanjutnya.


- Pesakit yang perlu rawatan susulan akan
- diberi temujanji.
- Pemeriksaan Kesihatan akan dibuat atas permohonan pelajar, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta dan kakitangan pejabat kerajaan yang berumur 40 tahun keatas.
- Laporan Perubatan akan disediakan jika dipohon oleh pesakit atau wakilnya melalui Pejabat Rekod.
- Cucian Luka : perawatan ini diberi kepada pesakit di Unit Pesakit Luar , pesakit rujukan dari wad atau luar.




LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2


JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT DARI TAHUN 2009 KE 2020



JUMLAH PEMERIKSAAN PERUBATAN BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2020




JUMLAH PENGAMBILAN DARAH BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2020




JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT KE KLINIK DIABETES BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2020

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU


0
2
0
2




**PERATUS PESAKIT DIABETIK
HbA1C <6.5%**



**KAWALAN TEKANAN DARAH
PESAKIT < 140/90 MMHG
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**



**JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT
HIPERTENSI
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020**



**JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT
BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2020**

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
7
0
7

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
7
0
7

UNIT KEJURURAWATAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

perawatan dalaman dan u yang
turut merangkumi diagnostik
penyembuhan, pemulihan serta
pendidikan kesihatan pesakit.

1. PENGENALAN

Unit Kejururawatan bernaung dibawah Pengarah Hospital Kuala Kubu Bharu dan dianggotai oleh Unit Pesakit Dalam , Unit Kawalan Infeksi, Unit Bekalan Alatan Steril dan Klinik Pakar. Unit Kejururawatan berlokasi berhampiran dengan Hemodialisis Unit dan bersebelahan dengan Wad Nilam (Wad 7). Unit Pesakit Dalam terdiri dari 6 wad dengan jumlah katil sebanyak 120 buah. Setiap wad mempunyai jumlah katil yang berbeza mengikut keperluan. Unit Kejururawatan berfungsi untuk memantau dan menyelia unit-unit dan wad-wad bagi memastikan prosedur serta garis panduan kejururawatan dipraktikkan dengan cara yang betul. Disamping itu unit ini juga memastikan perkhidmatan kejururawatan dijalankan secara holistik, mengamalkan kerja berpasukan, bersifat penyayang dan juga professional. Tugas-tugas perawatan pesakit terdiri daripada

2. UISI

Ke arah masyarakat sihat melalui sistem perkhidmatan rawatan perubatan yang cekap, prihatin, mesra, berkesan dan mampu dinikmati oleh semua peringkat masyarakat

3. MISI

Menggalakan dan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Daerah Hulu Selangor melalui perkhidmatan rawatan pesakit yang adil dan saksama, mampu diperolehi, efisien, menggunakan teknologi yang bersesuaian dan berupaya berubah mengikut persekitaran serta mesra dengan pelanggan

4. OBJEKTIF UNIT KEJURURAWATAN

- I. Menyediakan perkhidmatan Kejururawatan dengan menitik beratkan aspek-aspek promotif, preventif, kuratif, rehabilitatif dan

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
7
0
7


II. mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

IV. Mengadakan suasana yang kondusif bagi menggalakkan penglibatan anggota dalam membuat keputusan yang membabitkan kualiti perawatan kejururawatan.

V. Meningkatkan prestasi anggota Jururawat melalui program pendidikan kejururawatan yang berterusan kearah profesyen yang cemerlang dan gemilang.

VI. Menilai dan memantau tahap perawatan pesakit berasaskan konsep *Quality Assurance* dan piawaian kejururawatan.


III. Menerapkan nilai-nilai dan budaya korporat seperti yang, profesionalisma dan kerja berpasukan.



**JADUAL 1 : CARTA TRENDING KEMASUKAN ,
DISCAJ , KEMATIAN , TURN OVER INTERVAL,
LENGTH OF STAY & BED OCCUPANCY RATE**

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU


0
7
0
7



TAHUN	2018	2019	2020
Kemasukan	7526	7869	6487
Discaj	7619	6872	5896
Kematian	88	92	85
Turn Over Interval	5.03	5.03	6.46
Length Of stay (LOS)	3.03	3.03	3.36
Bed Occupancy Rate (BOR)	54%	54.92%	49.42%
Jumlah	21519	24056	21733

DATA TRENDING KEMASUKAN PESAKIT DIUNIT PESAKIT DALAM, DISCAJ, KEMATIAN, TURN OVER INTERVAL, LENGTH OF STAY & BED OCCUPANCY RATE DARIPADA TAHUN 2018 HINGGA 2020

KES RUJUKAN MENGIKUT DISIPLIN TAHUN 2020



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
7
0
7

JADUAL 1 : DATA KES RUJUKAN COVID-19/ILI/PUI/SARI HOSPITAL
KUALA KUBU BHARU TAHUN 2020

DATA KELAHIRAN TAHUN 2020

BULAN	SVD	BBA	TOTAL
JAN	8	0	8
FEB	16	0	16
MAR	18	0	18
APR	13	0	13
MEI	15	1	16
JUN	12	0	12
JUL	15	1	16
OGOS	9	0	9
SEPT	14	0	14
OKT	13	4	17
NOV	10	1	11
DIS	12	0	12
TOTAL	155	7	162

BULAN	KEDATAN GAN KE PAC	KE MA SU KK AN DA RI PAC	TOTAL DELIV ERIES	TOTAL AL BBA	AMBUL ANCE CALL	T/OUT KE HOSP P LAIN (ADULT)	T/OUT KE HOSP P LAIN (PEAD)
Jan	36	13	8	0	0	4	0
Feb	73	33	16	0	0	9	2
Mar	69	28	18	0	0	13	5
Apr	56	18	13	0	2	10	2
May	61	27	15	1	4	9	0
Jun	73	21	12	0	0	5	3
Jul	81	16	15	1	0	6	4
Aug	54	14	9	0	0	7	3
Sep	43	24	14	0	1	7	4
Oct	86	17	13	4	1	13	6
Nov	50	15	10	1	1	8	2
Dec	48	27	12	0	1	11	4
TOTAL	730	253	155	7	10	102	35

BULAN	RUJUKAN HOSPITAL	COVID- 19	ILI	PUI	SARI	JUMLAH
JUMLAH KESELURUHAN SEHINGGA DECEMBER 2020	HSEL	2		7	69	78
	HSGB	3		1	0	4
	HKL	0		0	3	3
	LAIN2	0		0	1	1
	JUMLAH	5		8	73	86

WAD 5: KEDATANGAN PESAKIT PAC, KELAHIRAN
DAN T/OUT TAHUN 2020

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
7
0
7



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

UNIT KUALITI

HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

1. PENGENALAN

Unit Kualiti Hospital Kuala Kubu Bharu mula ditubuhkan sejak tahun 2010, berikutan saranan Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Pekeliling Bil (35) dlm KKM bertarikh 30hb Januari 2002 yang menyatakan setiap hospital utama dikehendaki menubuhkan Unit Sokongan Sekretariat Kualiti. Ia bertujuan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Unit Kualiti terletak di bangunan Unit Kejururawatan dan diketuai oleh seorang Pegawai Pegawai Perubatan UD54 dan dibantu oleh seorang Jururawat Terlatih (KUP) U32 dan seorang Pegawai Perubatan UD48.

2. UISI

Negara mengembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

3. MISI

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama.

3.1 Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat;

3.1.1 Mencapai tahap kesihatan yang optimum

3.1.2 Menghargai kesihatan sebagai asset paling berharga

3.1.3 Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

3.2 Untuk memastikan sistem kesihatan yang berkualiti tinggi iaitu:

3.2.1 Mengutamakan pelanggan

3.2.2 Saksama

3.2.3 Tidak membebankan

3.2.4 Cepak

3.2.5 Wajar mengikut teknologi

3.2.6 Boleh disesuaikan mengikut persekitaran

3.2.7 Inovatif

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

3.2.8 Dengan menekankan sifat penyayang, professionalism dan kerja berpasukan

5. PIAGAM PELANGGAN

Memastikan jumlah kadar compliance indikator HPIA/KPI yang dipantau dalam hospital mencapai $\geq 80\%$

4. OBJEKTIF

4.1 Objektif Umum

Untuk memastikan semua aktiviti kualiti yang merangkumi aktiviti peningkatan kualiti KKM dijalankan dan dipantau dengan sempurna

4.2 Objektif Khusus

4.2.1 Menyelaras sistem dokumentasi bagi semua aktiviti peningkatan kualiti


4.2.2 Menganalisa pencapaian semua aktiviti peningkatan kualiti mengikut standard yang ditetapkan dan

4.2.3

penghasilan setahun

4.2.4 Menjadi sumber rujukan dan simpanan maklumat mengenai aktiviti peningkatan kualiti hospital

CARTA ORGANISASI UNIT KUALITI




LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2


PERATUSAN HPIA DAN SPECIFIC INDICATOR YANG DIPANTAU TAHUN 2020

■ HPIA ■ SPECIFIC INDICATOR



PERATUS SIQ DARI KESELURUHAN HPIA YANG DIPANTAU JULAI- DISEMBER 2020


HPIA yang
mencapai
Standard
ditetapkan
92%



PERATUS SIQ DARI KESELURUHAN HPIA YANG DIPANTAU JAN-JUN 2020


HPIA SIQ
11%

HPIA yang
mencapai
Standard
ditetapkan
89%



LAPORAN MSQH SURVEY 5TH EDITION


■ SURVEYOR RATINGS 4 ■ SURVEYOR RATINGS 3 ■ SURVEYOR RATINGS 2



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2


**BILANGAN INCIDENT
REPORT TAHUN 2020**



JAWATANKUASA DAN PENCAPAIAN

1. JAWATANKUASA MESRA IBADA
2. JAWATANKUASA KEPUASAN PELANGGAN
3. JAWATANKUASA MORTALITY
4. JAWATANKUASA INOVASI
5. JAWATANKUASA RISK MANAGEMENT
6. 17JAWATANKUASA CREDENTIALING AND PRIVILEGING
7. JAWATANKUASA INOVASI
8. JAWATANKUASA AKREDITASI

**JENIS INCIDENT REPORTING TAHUN
2020**



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

Pensijilan Akreditasi (5th Edition) - Mulai 12 Oktober 2019 sehingga 11 Oktober 2023

Hospital Kuala Kubu Bharu telah dianugerahkan pensijilan tersebut oleh Malaysian Society for Quality in Health.

JAWATANKUASA KLUSTER ZON TIMUR

Hospital Kluster merupakan salah satu inisiatif baru Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah program Transformasi Sistem Kesihatan, dengan tujuan merevolusikan pentadbiran hospital di seluruh Malaysia ke arah yang lebih efektif dan berkesan. Hospital Kluster merupakan kolaborasi di antara hospital-hospital yang terletak di daerah/kawasan yang sama, dan melibatkan sekurang-kurangnya satu hospital major dengan pakar. Hospital dengan kepakaran dan kelengkapan yang terkini akan dilantik sebagai *lead hospital* (LH), manakala hospital-hospital lain yang membentuk Hospital Kluster yang sama dilantik sebagai *non-lead hospital* (NLH). Hospital-hospital ini akan bertindak sebagai satu entiti/organisasi dan digabungkan di bawah satu tadbir urus.

Hospital Selayang, bersama Hospital Kuala Kubu Bharu (HKKB) dan Hospital Orang Asli, Gombak (HOAG) kini bergabung sebagai Hospital Kluster Selangor Zon Timur (HKSZTi), dan Hospital Selayang diberi mandat sebagai *lead hospital* (LH). HKSZTi menyediakan perkhidmatan kepakaran kepada semua pesakit yang berada di dalam liputan rangkaian kesemua hospital yang terlibat dan kesemua sumber manusia,

fasiliti, dan lain-lain kemudahan yang disediakan bagi di antara kesemua hospital di dalam Hospital Kluster ini.

Seiring dengan penubuhan Hospital Kluster Selangor Zon Timur (HKSZTi), Unit Kluster diwujudkan di Hospital Selayang pada bulan September 2019 untuk menyelaraskan dan memantau inisiatif HKSZTi. Inisiatif HKSZTi dilaksanakan bermula dengan Kajian Tindakan (*Action Research*) pada tahun 2019, dan implementasi pada tahun 2020.

Fasa	Jabatan/ Unit	Inisiatif Hospital Kluster
Pertama	Radiologi	1. Perkhidmatan ultrasound di HKKB oleh Pakar Radiologi setiap minggu

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

	Paliatif	1. Perkhidmatan paliatif untuk pesakit di HKKB (pesakit luar dan dalam) serta pesakit di Rumah Ehsan (rumah kebajikan masyarakat) setiap minggu secara bergilir 2. <i>Continuous Medical Education (CME)/ grand ward rounds</i> dikendalikan bersama Pegawai Perubatan dan jururawat di HKKB sekurang-kurangnya sebulan sekali
--	----------	---

	Kecemasan dan Trauma	1. Perkhidmatan rawatan kecemasan dan trauma oleh Pakar Kecemasan (lawatan seminggu sekali) 2. CME dikendalikan bersama Pegawai Perubatan dan jururawat di HKKB sekurang-kurangnya sebulan sekali
Kedua	Perubatan Am	1. Lawatan oleh Pakar Perubatan ke HKKB dan HOAG secara harian 2. Perkhidmatan <i>stepdown</i> pesakit dari Hospital Selayang ke HKKB dan HOAG


LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

	Fisioterapi	1. Lawatan oleh Pegawai Fisioterapi ke HOAG secara harian; sementara menunggu pegawai untuk penempatan di HOAG secara tetap 2. Perancangan untuk menyediakan ruang khas fisioterapi di HOAG untuk pesakit luar
	Perubatan Pemulihan Carakerja	1. Lawatan oleh Pegawai Perubatan Pemulihan Carakerja ke HOAG secara mingguan, sementara menunggu pegawai untuk penempatan di HOAG secara tetap 2. Perancangan untuk menyediakan ruang khas di HOAG untuk pesakit luar


	Patologi	1. Mematikan kesemua mesin peralatan ujian dari HKKB (dari 3 kali seminggu kepada setiap hari bekerja)
	Rawatan Luka	1. Pembelian <i>consumables</i> secara pukal

Carta 1. Bilangan kes ultrasound di HKKB, tahun 2020




LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0202




Carta 2. Bilangan kes rujukan dari HKKB ke HS, tahun 2020

Carta 3. Bilangan kes stepdown S ke HKKB, tahun 2020



Carta 4. Bilangan pesakit Paliatif yang dirawat di HKKB, tahun 2020



Bengkel Pembentukan Polisi Hospital
Kluster Selangor Zon Timur:

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

UNIT PENGURUSAN (KEWANGAN DAN HASIL)

fungsi kewangan Jabatan dengan lebih efisien dan konsisten.

Pengenalan

Unit Kewangan Dan Hasil merupakan satu unit di bawah Bahagian Pengurusan Hospital Kuala Kubu Bharu, Selangor. Unit ini berperanan mengurus hal-hal kewangan Jabatan diperingkat Hospital. Ia juga bertanggungjawab berkaitan pengurusan gaji, tuntutan dan pembayaran kepada pembekal. Selain itu juga, unit bertanggungjawab untuk menyelia dan merekod segala peruntukan dan perbelanjaan yang diterima bagi setiap unit dan memastikan semua peruntukan dibelanjakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

MISI

Memberi Perkhidmatan dalam bidang Pengurusan Kewangan yang professional dan berkualiti serta kepuasan kepada semua pihak mengikut Peraturan Perbendaharaan yang telah ditetapkan.

UISI

Ke arah mencapai kualiti Pengurusan Kewangan yang terbaik kepada semua pihak disamping melaksanakan fungsi-

1. OBJEKTIF

- 1.1 Mengawal semua urusan kewangan Unit di peringkat Hospital.
- 1.2 Memproses pembayaran invois / bil / tuntutan dilaksanakan dengan teratur dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
- 1.3 Memproses permohonan Pesanan Tempatan (LPO) dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
- 1.4 Memastikan semua hasil dikutip dilaksanakan mengikut peraturan yang betul dan diakaunkan dengan betul.
- 1.5 Menjadi urusetia bagi Lembaga Perolehan di peringkat Hospital.

1. Polisi

1.1 Kewangan

1.1.1 Peruntukan

1.1.1.1 Unit Kewangan akan membantu menguruskan peruntukan dalam tahun semasa.

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

1.1.1.2 Unit Kewangan akan memastikan segala perbelanjaan dilakukan mengikut peraturan seperti di Arahan Perbendaharaan dan surat-surat pekeliling yang berkaitan.

1.1.2 **Akaun**

1.1.2.1 Pembayaran gaji dan elaun dibuat mengikut pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan iaitu melalui system iGFMAS.

1.1.2.2 Urusan Perolehan akan dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan dan pekeliling perbendaharaan yang terkini;

- Penyediaan dokumen awal bagi kontrak dan tender
- Sebut harga
- Pembelian terus
- Panjar wang runcit
- Panjar wang dapur

1.1.3 **Audit**

1.1.3.1 Unit Kewangan akan menyediakan laporan kewangan yang akan dikemukakan ke Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sebelum 5hb setiap bulan.

1.2 **Hasil**

1.2.1 Semua kutipan hasil dilakukan mengikut Arahan Perbendaharaan, Akta Fee 1951 (Perubatan) dan peraturan serta garis panduan sedia ada dan Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (perubatan) (Pindaan) 2017.

1.2.2 Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 adalah terpakai kepada semua waduk asing.

1.2.3 Pemeriksaan Mengejut AP 309 dilaksanakan dua kali setahun atau enam bulan sekali mana yang terdahulu.

Pemeriksaan kepada :

- 1.2.3.1 Panjar Wang Runcit
- 1.2.3.2 Panjar Runcit Dapur
- 1.2.3.3 Panjar Wang Khas
- 1.2.3.4 Kaunter Kecemasan
- 1.2.3.5 Kaunter Pesakit Luar

1.2.4 Pengebilan dan kutipan hasil dibuat di Unit Hasil semasa waktu pejabat. Kutipan dan pengebilan juga dibuat di Unit Daftar Masuk sekiranya menghadapi masalah gangguan sistem iGFMAS di Unit Hasil seta selepas waktu pejabat.

1.2.5 Surat penurunan kuasa bagi mengutip hasil, mengurangkan bayaran diberi kepada anggota terlibat.

1.2.6 Bil-bil hospital akan dikeluarkan pada hari pesakit disecaj dalam tempoh 10 minit di kaunter Hasil pada waktu Pejabat.


2. **FUNGSI UTAMA UNIT KEWANGAN**

2.1 Menyediakan Belanjawan

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU



0202

- 2.2 Mengendalikan Peruntukan
- 2.3 Memantau perbelanjaan dari Unit
- 2.4 Membayar tuntutan daripada kakitangan
- 2.5 Penyedia mycost
- 2.6 Menyediakan Bayaran Gaji
- 2.7 Menyediakan Baucer Bayaran, Baucer Jurnal
- 2.8 Memeriksa Baucer Bayaran
- 2.9 Menyemak dan Meluluskan Baucer Bayaran
- 2.10 Melaksanakan proses perolehan
- 2.11 Panjar wang runcit
- 2.12 Panjar wang dapur



3. FUNGSI HASIL

- 3.1 Membuat kutipan hasil
- 3.2 Menyediakan bil
- 3.3 Rekod daftar pesakit
- 3.4 Hapuskira bil
- 3.5 Pelupusan bil
- 3.6 Membuat baucer bayaran balik
- 3.7 Kutipan sewaan
- 3.8 Bayaran balik
- 3.9 Bank in duit ke bank
- 3.10 Penyediaan eGL HRMIS untuk pesakit
- 3.11 Panjar wang khas
- 3.12 Membuat pemeriksaan mengejut



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0202

BIL	JURU AUDIT	TARIKH AUDITAN	JENIS AUDIT	AUDITAN OLEH	TARIKH LAPORAN AUDIT DITERIMA	TARIKH MAKLUMBALAS DIHANTAR	PENEMUAN AUDIT
1	Unit Kewangan JKNS	1 Okt. 2020	Lawatan Naziran Pengurusan Kewangan Tahun 2020	Puan Ros Fateena binti Rosly (Akauntan WA44)	Tiada	Tiada	Tiada (Teguran Penambahbaikan sahaja)

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

UNIT PENTADBIRAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Organisasi Dan Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Hospital Kuala Kubu Bharu diwujudkan berdasarkan keperluan pengoperasian bagi memberikan perkhidmatan sokongan pengurusan kepada semua unit di Hospital Kuala Kubu Bharu. Bahagian Pengurusan Hospital Kuala Kubu Bharu diterajui oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir N29. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan mengawal penggunaan sumber manusia, kewangan, peralatan dan kemudahan secara optimum bagi memenuhi keperluan hospital ini terdiri daripada sub unit seperti berikut:

- i. **Khidmat Pengurusan**
- ii. **Sumber Manusia**

- iii. **Kewangan, Perolehan dan Hasil**

2. UISI

Ke arah mencapai kualiti perkhidmatan pengurusan kakitangan, prasarana dan kewangan yang terbaik di samping menerapkan nilai-nilai murni dikalangan kakitangan yang akan memastikan visi organisasi dapat dicapai secara menyeluruh.

3. MISI

Menguruskan perkhidmatan kakitangan hospital dari segi kebajikan, laluan kerjaya dan keperluan bagi melancarkan perkhidmatan dan mengekalkan mutu perkhidmatan yang terbaik sertamemastikan pengurusan kewangan yang mematuhi pekeliling semasa dan arahan pihak pengurusan tertinggi.

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

4. OBJEKTIF

- 4.1 Menyediakan perkhidmatan sokongan yang efektif dan berkesan bagi memastikan pengurusan hospital ditahap yang terbaik.
- 4.2 Memastikan kutipan hasil dibuat mengikut peraturan sedia ada.
- 4.3 Memastikan nilai-nilai murni dapat diterapkan melalui anjuran kursus dari Unit Pengurusan secara berkala.
- 4.4 Jabatan akan melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran mengikut aktiviti berikut:-
 - 4.5.1 Pengurusan.
 - 4.5.2 Urusan perkhidmatan.
 - 4.5.3 Kewangan dan hasil.
 - 4.5.4 Lain-lain fungsi pentadbiran.

5.

❖ Pengurusan

- 5.1.1 Surat Menyurat
- 5.1.2 Sistem Fail

- 5.1.3 Stor Bekalan Asas
- 5.1.4 Pengurusan Asas
- 5.1.5 Percetakan

- 5.1.6 Pekeliling, Garis Panduan dan Peraturan
- 5.1.7 Hal-Hal Lain

6. Sumber Manusia


- 6.1.1 Menyelenggara Buku Perkhidmatan Anggota
- 6.1.2 Menyedia dan Memproses Dokumen Sokongan
- 6.1.3 Cuti
- 6.1.4 Pengurusan Latihan
- 6.1.5 Pengurusan Penyewaan Kantin, Kiosk dan Radicare
- 6.1.6 Pengurusan projek dan peralatan
- 6.1.7 Pengurusan Kuarters dan Asrama

7. Lain-Lain Fungsi Pentadbiran


- 7.1.1 Telefon
- 7.1.2 Kawalan Keselamatan Hospital
- 7.1.3 Mesyuarat/Bilik Mesyuarat
- 7.1.4 Lembaga Pelawat
- 7.1.5 Pengurusan Kedatangan Kakitangan (Finger Tec)

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU



0
2
0
2



KEPUTUSAN ADUAN




SUMBER ADUAN



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU


0
2
0
2

BILANGAN ADUAN MENGIKUT JAWATAN



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU



SIDANG PENGARANG

- PENASIHAT
- DR. MOHD BASIL BIN SULAIMAN
- PENGARAH HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

- KETUA EDITOR
- DR. AISHAH FATHIYAH BT ABDUL MALEK
- PEGAWAI PERUBATAN UD48

- PENYUNTING
- DR. LYDIA POK
- PEGAWAI PERUBATAN UD54

- PENYUNTING 2
- MIMI HAZLINDA BINTI ABDUL HAMID
- JURURAWAT TBK U32

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU


PENGENALAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

Hospital Kuala Kubu Bharu dibina pada tahun 1936. Hospital ini dipindahkan ke tempat baru selepas pekan yang lama musnah akibat banjir. Hospital ini memberi perkhidmatan kepada askar British, pekerja lombong timah dan pekerja estet disekitar kawasan Kuala Kubu Bharu.

Pada peringkat awalnya, hospital ini terdiri daripada 4 buah wad, sebuah bangunan Pentadbiran / Jabatan Pesakit Luar dan Dewan Bedah. Luas kawasan hospital ini adalah 37 ekar dan kawasan yang dibangunkan adalah lebih kurang 16 ekar.



menerima lawatan pakar dari Hospital Selayang, Kes-kes kritikal akan dirujuk ke Hospital Selayang atau Hospital Berpakar yang mempunyai fasiliti berkenaan.



UISI

- Ke arah masyarakat sihat melalui Sistem Perkhidmatan Rawatan Perubatan yang cekap, prihatin, mesra, berkesan, seimbang dan mampu dinikmati oleh semua peringkat masyarakat.

Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan hospital daerah tanpa pakar dan

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

MISI

- Menggalakkan dan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Daerah Hulu Selangor melalui perkhidmatan rawatan pesakit yang adil dan saksama, mampu diperolehi, efisien, menggunakan teknologi yang bersesuaian dan berupaya berubah mengikut persekitaran serta mesra dengan pelanggan.

OBJEKTIF

Sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Hospital Kuala Kubu Bharu mempunyai objektif-objektif seperti :-

- menyediakan perkhidmatan pengesahan, perawatan dan pemulihan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan untuk menyelamatkan nyawa dan komplikasi kesihatan bagi mencapai pemulihan yang awal dan maksima.
- memperbaiki dan meninggikan taraf kesihatan rakyat dan memberikan perkhidmatan perawatan, pencegahan dan pemulihan yang berkesan.
- menyediakan latihan yang mencukupi dan bermutu tinggi bagi memenuhi keperluan dan tenaga profesional semasa akan datang bagi program perawatan.

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

PENCAPAIAN HOSPITAL 2020

**Pensijilan Akreditasi (5th Edition) -
Mulai 12 Oktober 2019 sehingga 11
Oktober 2023**

Hospital Kuala Kubu Bharu telah dianugerahkan pensijilan tersebut oleh Malaysian Society for Quality in Health.

**Hospital Rakan Bayi - Mulai 08 Mac
2020 sehingga 07 Mac 2023**

Hospital Kuala Kubu Bharu adalah merupakan hospital rakan bayi dimana penyusuan secara eksklusif adalah amat digalakkan.

Pensijilan Akreditasi

Hospital Kuala Kubu Bharu telah dianugerahkan pensijilan tersebut oleh Malaysia Society For Quality In Health (MSQH) bermula 12 Oktober 2019 sehingga 10 Oktober 2023.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

SEKALUNG BUDI SEINDAH KENANGAN

Pada 25 September 2020, warga Hospital Kuala Kubu Bharu telah menyaksikan majlis perpisahan mantan Pengarah, Dr Jasmeet Singh A/L Sucha Singh. Beliau telah dilantik menjadi Pengarah di Hospital Kuala Kubu Bharu sejak tahun 2009.

Terdapat pelbagai pembangunan yang telah dilakukan sepanjang khidmat beliau di Hospital ini. Antaranya ialah, pembinaan Unit Forensik Baru, Pembinaan tambahan bangunan unit rekod, menaiktaraf bilik pegawai Khidmat Pelanggan dan bilik Pegawai Optometri. Selain itu, projek menaiktaraf ruang forensik lama kepada ruang pejabat untuk kakitangan hospital serta menaiktaraf unit kejuruteraan operasi.

Selain itu, di bawah khidmat Dr Jasmeet sebagai pengarah hospital, Hospital ini telah menjalani dua versi dan berjaya diiktiraf sebagai hospital yang diakreditasi oleh MSQH selama 4 tahun. Versi pertama adalah pada tahun 2015 (Edisi Ke-4) dan versi kedua ialah pada tahun 2019 (Edisi Ke-5).

Dr Jasmeet telah berpindah ke Hospital Rehabilitasi Cheras sebagai pangarah baru di sana bermula pada Oktober 2020. Jawatan Dr Jasmeet sebagai Pengarah Hospital Kuala Kubu Bharu telah digantikan oleh Dr Mohd Basil Bin Sulaiman, yang merupakan mantan Penolong Pengarah Hospital Kuala Kubu Bharu sejak November 2019.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada Dr Jasmeet atas segala jasa sepanjang berkhidmat sebagai Pengarah di hospital ini. Dan semoga Dr Jasmeet terus maju jaya di tempat baharu.

Kalau ada sumur diladang,

Bolehlah kita menumpang mandi,

Kalau ada umur yang panjang,

Bolehlah kita berjumpa lagi.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

PERUTUSAN PENGARAH

Hospital Kuala Kubu Bharu telah berjaya mencapai persijilan akreditasi daripada Malaysian Society for Quality in Health pada tahun 2019 sehingga 2023. Pengiktirafan ini merupakan salah satu kebanggaan warga Hospital ini hasil usaha dan komitmen serta konsistensi amalan budaya kerja yang berprestasi tinggi secara menyeluruh.

Laporan tahunan ini merupakan rumusan segala aktiviti dan perancangan yang mencerminkan kesungguhan hospital ini menuju ke arah meningkatkan taraf kesihatan di daerah Hulu Selangor seperti yang terkandung dalam visi Hospital Kuala Kubu Bharu. Hospital Kuala Kubu Bharu mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan adalah efisien dan berkesan. Ini mustahil tercapai tanpa kerjasama daripada semua warga kerja Hospital.

Harapan saya adalah sokongan padu daripada semua warga kerja Hospital Kuala Kubu Bharu dan kecemerlangan organisasi ini bukan sekadar berterusan tetapi juga berkeupayaan meningkat ke tahap yang lebih gemilang. Dengan sukacitanya, saya membina persahabatan dan kekuatan kita sebagai teman sedia berkongsi, bekerja berpasukan dan bergerak ke destinasi mencapai visi dan misi Hospital Kuala Kubu Bharu serta mengekalkan pengiktirafan persijilan akreditasi.

Sekian, terima kasih.

Dr Mohd Basil Bin Sulaiman

Pengarah Hospital Kuala Kubu Bharu



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

PERKARA	MUKA SURAT
1. PENGENALAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU	1-2
2. PENCAPAIAN HOSPITAL	3
3. SEKALUNG BUDI SEINDAH KENANGAN	4
4. PERUTUSAN PENGARAH	5
5. SIDANG PENGARANG	6
6. UNIT PENTADBIRAN	7-10
7. UNIT HASIL	11-13
8. UNIT KUALITI	14-21
9. UNIT KEJURURAWATAN	22-25
10. UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA	26-31
11. UNIT PESAKIT LUAR - KLINIK DIABETIC - KLINIK DADA	32-37
12. UNIT FARMASI	38-41
13. UNIT FORENSIK	42-44
14. UNIT HEMODIALISIS	45-46
15. UNIT BEKALAN BAHAN STERIL	47-48

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

PERKARA	MUK SURA
16. UNIT KAWALAN INFEKSI	49-51
17. UNIT OPTOMETRI	52-54
18. UNIT PEMULIHAN CARA KERJA	55-59
19. UNIT FISIOTERAPI	60-63
20. UNIT DIETETIK DAN SAJIAN	64-66
21. UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN	67-70
22. UNIT RADIOLOGI	71-78
23. UNIT ANGKUT	79-81
24. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	82-84
25. UNIT REKOD	85-86
26. UNIT PENYELIAAN	87-88
27. UNIT KEJURUTERAAN	89-94
27. UNIT PATOLOGI	95-97
28. GALERI 2020	98-107
28. SEKALUNG PENGHARGAAN	108-109

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. Pengenalan

Unit Teknologi Maklumat merupakan unit kecil di bawah Bahagian Pengurusan. Unit ini bertanggungjawab untuk menyelaras prasarana ICT di Hospital Kuala Kubu Bharu agar berfungsi dan sentiasa dalam keadaan baik seiring dengan kemajuan teknologi terkini.

2. Objektif

Membantu mempertingkatkan kualiti, keberkesanan dan kecekapan urusan dan sistem penyampaian Hospital Kuala Kubu Bharu menerusi penggunaan teknologi maklumat.

3. Uisi

Unit Teknologi Maklumat akan menjadi pelaksana dan penyelaras perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dinamik, cekap dan berkesan selaras dengan perkembangan teknologi terkini.

4. Misi

Unit Teknologi Maklumat akan berusaha memastikan kemudahan infrastruktur dan teknologi maklumat dan komunikasi

(ICT) dapat digunakan secara optimum melalui pemantauan secara berkala dan perkongsian maklumat yang berterusan.

5. Perjawatan

Terdapat hanya satu perjawatan di Unit Teknologi Maklumat iaitu Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA29).


6. Statistik Unit Teknologi Maklumat

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU


2020

8.1 Pengurusan Emel



Rajah 1 menunjukkan jumlah akaun emel yang dicipta dan peratusan emel yang aktif bagi kakitangan di Hospital Kuala Kubu Bharu pada bulan Januari sehingga November 2020. Pada bulan Disember tiada laporan dikeluarkan berikutan terdapat proses migrasi data daripada 1govuc kepada MyGovuc2.0.

JUMLAH PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN YANG DIRUJUK KE UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT BAGI TAHUN 2020



Rajah 2 menunjukkan jumlah penyelenggaraan pembaikan mengikut kategori yang dirujuk kepada Unit Teknologi Maklumat pada tahun 2020. Bilangan tertinggi aduan bagi pembaikan yang telah dirujuk kepada Unit Teknologi Maklumat ialah daripada kategori perkakasan iaitu sebanyak 65 aduan kerosakan dan diikuti dengan kategori sistem/emel iaitu sebanyak 29 aduan. Kategori perisian mencatatkan kes aduan sebanyak 29 dan 7 kes aduan adalah daripada kategori rangkaian.

8.2 Penyelenggaraan Pembaikan

7. Latihan Asas ICT

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL

KUALA KUBU BHARU

Unit Teknologi Maklumat dengan kerjasama Pusat Internet Pekan Kuala Kubu Bharu telah menawarkan Latihan Asas Penggunaan Microsoft Office kepada kakitangan di hospital pada tahun 2020. Seramai 30 kakitangan telah menyertai latihan asas ini. Kursus yang disertai peserta dilaksanakan selama 3 sesi pembelajaran merangkumi penggunaan perisian Microsoft Word, Microsoft Excel dan Microsoft Powerpoint.

8. Gambar/Aktiviti



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

0
2
0
2

UNIT ANGKUT

PENGENALAN

Fungsi Utama unit ini ialah menguruskan tempahan bagi permohonan penggunaan kenderaan jabatan oleh warga kerja Hospital Kuala Kubu Bharu dan tempahan ambulans. Unit ini terdiri daripada Seorang Penolong Pegawai Perubatan U32 dan 15 orang Pemandu Kenderaan. Pihak kami menyediakan 3 perkhidmatan ambulans seperti untuk rujukkan kes, panggilan kecemasan dan pasukan perubatan.

Manakala bagi kes Interfasiliti (transfer pesakit) masa menunggu untuk keluar adalah antara 10 hingga 15 minit dari terima panggilan diterima dari pihak Wad ataupun pihak Kecemasan

UISI

Kami beriltizam untuk mencapai kecemerlangan dalam member perkhidmatan yang cemerlang ,gemilang dan terbilang.

MISI

Memberi perkhidmatan ambulans dan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti melalui amalan budaya penyayang, profesionalisme, kerja berpasukan dan mematuhi peraturan jalanraya dengan selamat menuju ke destinasi yang diarahkan

PIAGAM PELANGGAN

Memastikan masa menunggu untuk respon kes Panggilan kecemasan tidak melebihi 5 minit dari terima panggilan dari MECC atau dari orang awam.

